

NO. SOALAN : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

SOALAN :

**YB. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan
perancangan untuk memajukan sektor pelancongan di Lenggong.**

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui *Tourism Malaysia* (TM) mempromosikan Lenggong sebagai salah satu kawasan pelancongan sekaligus memajukan sektor pelancongan di Negeri Perak khususnya di kawasan Lenggong yang merupakan Tapak Warisan Dunia UNESCO sejak 30 Jun 2012.

Bagi memperkasa identiti Lembah Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, di bawah Rancangan Malaysia ke-10, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta kepada Jabatan Warisan Negara bagi melaksanakan projek naiktaraf Galeri Arkeologi Lembah Lenggong yang melibatkan baikpulih fasad bangunan, naiktaraf bahan pameran dan kemudahan pelawat. Kerja-kerja naiktaraf yang telah dirancang akan bermula pada Ogos 2015 dan dijangka akan siap pada Ogos 2016.

Antara langkah promosi yang telah dijalankan bagi meningkatkan pelancongan di Lenggong adalah mempromosikan pakej Homestay Kampung Beng, Lenggong melalui risalah *Discover Perak Packages* serta membangunkan risalah *Perak Food Trail* yang turut menyenaraikan beberapa restoran terpilih di Lenggong dan kawasan sekitarnya.

Jabatan Warisan Negara juga telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan tapak di gua-gua bersejarah dan tapak arkeologi di

tapak Warisan Arkeologi Lembah Lenggong seperti di Gua Puteri, Gua Harimau, Gua Badak, Gua Dayak, Gua Guning Runtuh, Gua Asar, Gua Teluk Kelawar, Gua Kajang, di samping menyelenggara dan membaik pulih kemudahan pelawat di sekitar Tapak Warisan Arkeologi Lembah Lenggong yang mana secara tidak langsung dapat membantu memajukan sektor pelancongan di Tapak Warisan Dunia UNESCO ini.

Sehubungan dengan itu, Kementerian ini sentiasa bersedia untuk mempertimbangkan sebarang cadangan atau permohonan bagi memajukan sektor pelancongan di Lenggong.

Sekian, terima kasih.